



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

2020





INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

Copyright © 2020
International Young Scholars Journal of
Languages (IYSJL)
Edu Hub Pagoh, Malaysia.

Copying of further publication of the contents of this work is not permitted without permission from IYSJL, except for limited “fair use” for educational scholarly, and similar purposed as authorized by Malaysia Copyright Law, in which appropriate notice of the source of work should be given. No responsibility contained in the text, illustrations or advertisement. The opinions expressed in the articles are not necessarily those of the Editor of the publisher.

PUBLISHER

Kulliyyah of Languages & Management
(KLM), International Islamic University
Malaysia, Edu Hub Pagoh, 84600 JHR.
Tel.: 06-9742601
Fax: 06-9742655
Email: editor_iysjl@iium.edu.my
Website:
www.iium.edu.my/kulliyyah/klm/journals

EDITORIAL

EDITOR-IN-CHIEF

Khairil Azwar Razali, PhD

EDITORIAL BOARD

Al Amirul Eimer Ramdhan Ali, PhD
Julaina Nopiah, PhD
Mohamad Suhaizi Suhaimi, PhD
Nurul Jamilah Rosly, PhD

PRODUCTION STAFF

Mohamad Suhaizi Suhaimi, PhD
Muhammad Hanif Naim
Nur Saiful Amree Borahan

WEBMASTER

Muhammad Aqil Asraf Mohd Rosli

EDITORIAL OFFICE

Journal Division
Office of the Dean,
Kulliyyah of Languages & Management,
Pagoh Edu Hub, 84600 JHR.



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

Contents

Foreword

Khairil Azwar Razali

English Articles

Factors Affecting Willingness to Communicate in English Among Universiti Kebangsaan Malaysia Students

Muhamad Faizal Salim and Al Amirul Eimer Ramdzan Ali

A Study on Gender Differences in Emoji Usage

Rawdhah Paiz

University Students' Perceptions on Smiles from Strangers of Different Gender

Nur Ameera Najihah Mohd Ghazalee and Khairil Azwar Razali

Artikel Bahasa Malaysia

Analisis Deiksis dalam Novel 9 Nyawa: Satu Analisis Pragmatik

Maryam Nabilah Alias dan Nurul Jamilah Rosly

Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh.

Siti Humairah Abdul Rahaman dan Nora'Azian Nahar

Peribahasa Melayu Berunsurkan Burung: Satu Analisis Semantik Inkuisitif

Muhammad Nor Sahfiq Amran dan Julaina Nopiah

Leksikal 'Ayam' dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

Eli Aima Shazila Amran dan Julaina Nopiah

Percampuran Kod dalam Filem Paskal *The Movie*

Nur Iliyani Natasha Abdul Halim dan Nora'Azian Nahar

Arabic Articles

The Difficulties and Challenges of Understanding Arabic Magazines among Students Majoring in Arabic for International Communication

Muhammad Shafiq bin Shams al-Din and Salih Mahgoub Mohamed Eltingari

Weakness in gathering information in writing scientific research for students Specialists in the Arabic language at the International Islamic University Malaysia: Problems and Solutions

Shafiq Khairy bin Saadoun and Salih Mahgoub Mohamed Eltingari



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

Foreword

Welcome to the the International Young Scholars Journal of Languages 2020 (IYSJL 2020).

International Young Scholars Journal of Language (IYSJL) is an online, peer-reviewed biannual journal. The journal aims to provide an avenue for young scholars to publish their research work and to share their findings or insights with other young scholars, academicians and practitioners. The objective of this journal is to inspire undergraduate students to become prolific writers. The journal is published by the Kulliyyah of Languages and Management, International Islamic University Malaysia, Pagoh Campus.

This issue contains ten articles, written in English, Arabic and Bahasa Malaysia. The articles cover a wide range of topics related, but not limited, to communication. It starts with a study on factors affecting willingness to communicate in English (*Muhammad Faisal and Al Amirul*), followed by a study on gender differences in using emoji (*Rawdhah Paiz*), and perceptions on smiles from strangers of different gender (*Nur Ameera and Khairil Razali*).

As for articles written in Bahasa Malaysia, a pragmatic analysis has been done on Novel 9 Nyawa (*Maryam Nabilah and Nurul Jamilah*), followed by a study on the understanding of the meaning of Malay proverbs among the university's students (*Siti Humairah and Nora'Azian*), and a semantic analysis on the Malay proverbs on birds (*Muhammad Nor and Julaina*). There is another interesting study on the lexical *ayam* within the Malay proverbs (*Eli Aima and Julaina*), and finally a study on code switching in the Film Paskal The Movie (*Nur Iliyani & Nora'Azian*).

Articles written in Arabic are studies on the university's Arabic for International Communication students, where the first study explores the difficulties and challenges in understanding Arabic magazines (*Muhammad Shafiq and Salih Eltingari*), while the second study identifying problems in gathering information in writing scientific research, and further offering solutions to the problem (*Shafiq Khairy and Salih Eltingari*).

I hope that this issue would incite curiosity among the students of KLM IIUM, and would encourage you to further participate actively in academic research. I also hope you find this issue to be intriguing, thought-provoking, and useful in reaching new milestone.

I would like to express my gratitude to all contributors who have made this issue possible, as well as the reviewers for their professional contribution. Last but not least, my heartfelt gratitude to the Dean of KLM who has trusted me with the task of Editor.

Jazakumullah khairan khatira. Barakallah.

Chief Editor

Khairil Azwar Razali, PhD.

khairilrazali@iium.edu.my



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

Leksikal 'Ayam' dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

Eli Aima Shazila Amran, Julaina Nopiah*

Kuliah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**Corresponding author email: julainanopiah@iiu.edu.my*

ABSTRAK

Peribahasa berunsur 'AYAM' digunakan sebagai simbol untuk menggambarkan realiti kehidupan masyarakat Melayu dan mempunyai nilainya yang tersendiri untuk dijadikan panduan hidup. Cara hidup orang Melayu lama yang selalu meneliti unsur alam dan mengenali sifat binatang seperti ayam menyebabkan mereka menggunakan ayam untuk simbol berkias dan memberikan teguran. Kajian ini menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) dan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam menganalisis data. Sebanyak 134 peribahasa dikenal pasti dari portal peribahasa malaycivilization.com namun hanya empat peribahasa dikenal pasti untuk dianalisis. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis refleksi ayam sebagai perlambangan dalam peribahasa Melayu yang digunakan untuk menyampaikan maksud yang tersirat di sebalik ungkapan. Data peribahasa Melayu telah dikumpulkan dari Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kedua susunan Abdullah Hussain (2016). Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga domain peribahasa berobjekkan ayam iaitu kekeluargaan, rezeki dan kelicikan yang mencerminkan keunikan orang Melayu zaman dahulu dalam berkata-kata. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat dikembangkan lagi dengan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) menggunakan unsur yang berbeza pada masa akan datang.

Kata kunci: semantik inkuisitif, pendekatan rujuk silang, peribahasa, akal budi Melayu, ayam

PENGENALAN

Masyarakat telah dipupuk untuk menggunakan pelbagai teknik dalam memperkenalkan bahasa yang mengandungi berbagai-bagai nilai sosial dan budaya yang tersendiri. Teknik yang digunakan ketika menyampaikan maklumat dan informasi kepada pendengar menyerlahkan hakikat tentang akal budi penutur (Zulkifley, Naidatul & Mohd Asyraf, 2015). Di dunia ini, setiap bahasa yang wujud mempunyai teknik dalam penyampaian idea dan emosi penutur dengan menggunakan pelbagai strategi lisan. Antara strategi yang digunakan adalah dengan menggunakan peribahasa sebagai landasan untuk menyampaikan idea, gagasan dan perasaan kerana peribahasa mampu digunakan dalam pelbagai keadaan dan bertujuan untuk komunikatif (Bahren Umar Siregar, 2010).

Terdapat dua fungsi peribahasa dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pertama, peribahasa berfungsi untuk memaparkan realiti kehidupan manusia dan yang kedua ialah peribahasa mengandungi nilai moral yang menjadi tunjuk ajar antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam sekitar, dan manusia dengan Tuhan. Menurut Asmah Haji Omar (2015), orang Melayu zaman dahulu lebih banyak menggunakan peribahasa apabila bertutur kerana daripada peribahasa, tergambar alam dan seni asli Melayu yang mengandungi bahasa ringkas, indah dan mudah difahami.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), peribahasa ditakrifkan sebagai kumpulan ayat atau kata yang mengandungi susunan terperinci dan mempunyai definisi tertentu, seperti bidalan, perumpamaan dan pepatah. Tidak ada segelintir masyarakat yang mengetahui tarikh sebenar peribahasa ini diwujudkan walaupun peribahasa telah lama terbentuk semenjak zaman dahulu kala. Namun, setiap masyarakat pasti mengetahui bahawa keindahan peribahasa adalah milik bersama orang Melayu peninggalan nenek moyang yang perlu dijaga supaya tidak pupus ditelan arus zaman. Tambahan pula, orang zaman dahulu telah membentuk suatu bahasa yang indah, iaitu peribahasa menggunakan unsur alam sekeliling yang masih boleh diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat sehingga kini. Oleh itu, bagi memastikan peribahasa yang ditinggalkan semenjak turun-temurun terus dihayati dan dipraktikkan, setiap masyarakat Melayu perlulah didedahkan dengan peribahasa terutama golongan anak muda untuk dipelajari dan digunakan dalam kehidupan (Wan Nurasikin Wan Ismail, 2016).

Komunikasi bukan sahaja dipandang sebagai mekanisme hubungan antara manusia tetapi juga berperanan dalam aspek kehidupan dari segi politik, ekonomi dan budaya (Julaina Nopiah et.al, 2018). Justeru, masyarakat Melayu zaman dahulu berkemahiran menyampaikan maksud melalui komunikasi lisan. Kemahiran dan daya usaha telah terbukti dengan pemilihan unsur yang sama serta memberikan makna yang berbeza. Sebagai contoh, unsur ayam yang digunakan dalam peribahasa 'ayam tambatan' sebenarnya menggambarkan seorang yang mempunyai banyak pengalaman dan menjadi harapan manakala 'kaki ayam' menggambarkan seseorang yang tidak memakai kasut apabila melakukan suatu aktiviti fizikal. Dengan erti kata yang lain, penggunaan unsur ayam dalam setiap peribahasa terdapat banyak maksud sekiranya dikaji dengan lebih mendalam.

Seseorang yang membentuk peribahasa perlu diberi penghargaan atas usaha mereka dalam mencipta sesuatu yang tidak semua orang mampu menciptanya. Penciptaan peribahasa memerlukan akal yang tajam dan daya kekefahaman yang sangat tinggi. Oleh sebab itu, peribahasa yang wujud masih teguh dalam budaya Melayu serta mampu memerihail keadaan dan konteks dalam masyarakat pendukung secara tidak langsung. Orang Melayu lama sangat pandai menggabungkan kriteria-kriteria yang terdapat pada alam sekitar dengan sesuatu lambang untuk berkias. Disebabkan itu, lambang yang terdapat dalam peribahasa tidak dapat diberikan penjelasan makna secara harfiah dan memerlukan kefahaman serta mentafsir secara mendalam daripada pelbagai sudut makna untuk mendapatkan maksud sebenar sesuatu peribahasa dengan tepat dan sempurna. Melalui peribahasa, pelbagai pengajaran, nilai-nilai murni dan bimbingan yang disampaikan kepada generasi berikutnya untuk mengubah individu itu ke arah kebaikan.

Pengkategorian peribahasa Melayu telah diaplikasikan yang disusun oleh Abdullah Hussain (2016) dalam bukunya yang bertajuk Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua. Menurut

beliau, bukan sahaja bangsa Melayu malah bangsa lain juga mempunyai peribahasa mereka sendiri yang menjadi cerminan tingkah laku mereka. Semua ini terhasil daripada pemerhatian, pandangan yang tajam serta pengalaman mereka sendiri dengan alam sekeliling mereka. Oleh itu, kaedah penganalisan peribahasa Melayu yang berlandaskan teori dan pendekatan yang berwibawa sangat penting. Maka, analisis Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) digunakan bagi mencungkil sebab dan pemilihan imej perlambangan yang terdapat dalam penciptaan peribahasa Melayu ini.

METODOLOGI

Kajian ini ialah kajian kualitatif dan melibatkan data sekunder, iaitu peribahasa Melayu yang diambil dari pangkalan data <https://malaycivilization.com.my/peribahasa-melayu> dari UKM dan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua (2016). Kajian kualitatif ini melibatkan dua kaedah yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan berkaitan dengan peribahasa Melayu berobjekkan 'AYAM', iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Kaedah penyelidikan kepustakaan atau dikenali sebagai *Library Research* merupakan kaedah yang biasa digunakan oleh para pengkaji untuk mendapat data dan bukti kajian. Kaedah ini adalah penting kerana melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengumpulkan maklumat atau kosa ilmu dalam sesuatu penyelidikan.

Hasil pencarian, sebanyak 134 peribahasa Melayu telah dikenal pasti menggunakan ayam sebagai objek perlambangan. Antara peribahasa yang berobjekkan 'AYAM' adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Peribahasa Melayu yang berobjekkan 'AYAM'

Peribahasa	Maksud
Seperti ayam patuk anaknya.	Menghukum anak bukan untuk menyeksa tetapi untuk memperbaiki kelakuan anak itu.
Ayam beroga itu, kalau diberi makan di pinggan emas sekalipun ke hutan juga perginya.	Orang dagang walau beroleh kesenangan di rantau, tempat asalnya tetap diingat.
Telur hari ini, lebih baik daripada anak ayam besok.	Pendapatan hari ini lebih baik daripada pendapatan esok.
Ayam hitam terbang malam bertali ijuk, bertambang tanduk, hinggap di kebun rimbun.	Kejahatan yang dilakukan di dalam sulit, sukar diketahui.
Ayam menang, kampung tergadai.	Mendapat hasil yang sia-sia dan tidak menguntungkan.
Baik membawa resmi ayam betina, supaya tidak ada bencana.	Hidup dalam bersederhana supaya tidak ditimpa musibah.
Seperti kotek ayam mandul.	Banyak niat.
Mengadu ayam.	Memperlagakan atau menimbulkan pergaduhan.

Bagai ayam si tombong, kokok berderai-derai, ekor bergelimang tahi.	Orang yang meninggi diri dan cakap besar tetapi hidup miskin.
Yang bisu penggera ayam.	Orang yang bodoh dan lemah itu ada juga gunanya.

Berdasarkan dapatan kajian, peribahasa tersebut telah dibahagikan kepada lapan domain iaitu domain kebiasaan, domain kekeluargaan, domain rezeki, domain kelicikan, domain sia-sia, domain berhati-hati, domain khianat serta domain ironi atau sindiran.

Dalam hal ini, penulis memanfaatkan pendekatan semantik inskuisitif, iaitu pendekatan yang berasaskan semangat ingin tahu serta dorongan untuk terus meneroka dan mencari jawapan kepada perkara sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan (Nor Hashimah 2014). Semantik inskuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Bagi menghuraikan makna peribahasa dengan lebih lanjut, peribahasa yang berkaitan akan dianalisis menggunakan rangka rujuk silang (RRS) dalam Teori Relevans. Gabungan RRS dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna kiasan Melayu. Rajah 1 berikut menunjukkan carta aliran tahap-tahap yang terlibat dalam proses penganalisan data menggunakan pendekatan semantik inskuisitif seperti yang dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014). Di samping itu, data sokongan kajian yang digunakan ialah data korpus yang dijana dari Sistem Pangkalan Korpus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan *Malay Concordance Project (MCP)*.

***Rajah 1 (rujuk Lampiran)**

PERBINCANGAN

Bagi tujuan penganalisan data secara terperinci, pengkaji memilih tiga peribahasa berobjekkan 'AYAM' berserta domainnya, iaitu domain kekeluargaan, domain rezeki dan domain kelicikan menerusi Jadual 2.

Jadual 2: Senarai Peribahasa Berserta Domain yang Dipilih

Bil	Peribahasa	Maksud	Domain
1.	Ayam beroga itu jika diberi makan di pinggan emas sekalipun, ke hutan juga perginya. Ayam beroga pulang ke hutan.	Orang dagang walau beroleh kesenangan di rantau tempat asalnya tetap diingat.	Kekeluargaan
2.	Telur hari ini, lebih baik daripada anak ayam besok.	Pendapatan hari ini lebih baik daripada pendapatan esok.	Rezeki
3.	Ayam hitam terbang malam bertali ijuk, bertambang tanduk, hinggap di kebun rimbun.	Kejahatan yang dilakukan di dalam sulit, sukar diketahui.	Kelicikan

Peribahasa Domain Kekeluargaan

Data 1:

Peribahasa	Maksud	Domain
1. Ayam beroga itu jika diberi makan di pinggan emas sekalipun, ke hutan juga perginya.	Orang dagang walau beroleh kesenangan di rantau tempat asalnya tetap diingat.	Keluargaan
2. Ayam beroga pulang ke hutan.		

Tahap 1: Makna harfiah

Data 1 iaitu '*ayam beroga itu jika diberi makan di pinggan emas sekalipun, ke hutan juga perginya*' membawa maksud walaupun orang dagang beroleh kesenangan di rantau, tempat asalnya tetap diingat.

Tahap 2: Makna Peringkat Harfiah

- i. Benarlah kata pepatah, *ayam beroga itu jika diberi makan di pinggan emas sekalipun, ke hutan juga perginya*. Walaupun Dato' Azmi sudah kaya-raya menjalani kehidupannya di Kuala Lumpur, namun dia mengambil keputusan untuk pulang ke kampungnya di Kampung Talang untuk bersama-sama ibu dan ayahnya di sana kerana rindu yang membara. Panggilan telefon dari Neng Siti terngiang-ngiang di telinganya, yang mengingatkannya untuk pulang ke kampung setelah bertahun-tahun tidak menjejakkan kaki ke sana.
(<https://www.saudari.com/karya/cerpen-kampung-talang/>)
- ii. Seperti kata pepatah, *ayam beroga itu jika diberi makan di pinggan emas sekalipun, ke hutan juga perginya* dan pada 1 Syawal, Roonani Abdullah, ibu kepada Adnan berkata biarpun Adnan (Allahyarham) sibuk dengan tugasnya di bandar, namun arwah tidak pernah lupa untuk pulang ke kampung semasa musim perayaan.
(Harian Metro. Runtunan rindu. 2019)
- iii. Bak *ayam beroga pulang ke hutan*, Akmal Rizal, seperti yang saya katakan, kembali semula mencipta nama bersama ahli pasukan tempatan, selepas pulang ke tanah air setelah dua tahun di Perancis. Terbukti Akmal Rizal masih mempunyai aksi sebagai penjaring gol bola sepak yang hebat kerana stadium itu penuh dengan tetamu pelbagai bangsa yang begitu merindui aksinya yang mantap dan tangkas.
(La Bola Malaya. Info Sukan, 2019)

Pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam data korpus bertujuan untuk menunjukkan bahawa peribahasa '*ayam beroga itu jika diberi makan di pinggan emas sekalipun, ke hutan juga perginya*' dan '*ayam beroga pulang ke hutan*' sememangnya merujuk seseorang yang berdagang dan akhirnya pulang ke tempat asalnya. Data-data korpus di atas menunjukkan RRS bagi peribahasa data 1. Berdasarkan data korpus (i), *ayam beroga itu jika diberi makan di pinggan emas sekalipun* merujuk seorang perantau yang kaya-raya, iaitu Dato' Azmi yang telah merantau jauh ke Kuala Lumpur. Namun, *ke hutan juga perginya* merujuk kepulangan Dato' Azmi ke tanah air. Makna bagi peribahasa yang digunakan dalam data korpus ini tidak sukar untuk difahami. Hal ini


kerana, terdapat premis tambahan yang menjelaskan maksud peribahasa dengan jelasnya. Ayat 3 dalam data korpus merupakan premis tambahan yang menguatkan perasaan ingin pulang Dato' Azmi ke kampung untuk bersama-sama ibu dan ayahnya di sana kerana rindu yang membara. Kemudian, ayat terakhir dalam petikan adalah maklumat tambahan yang menggambarkan Dato' Azmi yang teringat akan deringan telefon dari Neng Siti yang mengingatkannya untuk pulang setelah bertahun-tahun tidak menjejakkan kaki ke sana.

Data korpus (ii) pula, *ayam beroga makan di pinggan emas* merujuk Adnan yang telah merantau jauh dari tempat asalnya manakala *ke hutan juga perginya* pula merujuk perbuatan Adnan yang akhirnya pulang ke tempat asal walaupun sibuk bertugas di bandar. Berdasarkan data korpus ini, makna peribahasa dijelaskan dengan mudah dalam premis yang sama, iaitu pulang ke kampung halaman apabila menjelang musim perayaan. Adnan tetap pulang ke tempat asalnya walaupun telah lama berhijrah di bandar. Seterusnya, data korpus (iii) *ayam beroga pulang ke hutan* adalah mewakili Akmal Rizal yang kembali semula ke tanah tumpah darahnya setelah berdagang ke Perancis. Akmal Rizal yang sebelum ini telah menjadi penjaring gol bola sepak di luar negara akhirnya pulang ke tempat asal untuk menyertai ahli pasukan bola sepak di Malaysia dan menjamu penonton dengan aksinya yang hebat.

Oleh yang demikian, ayam beroga dalam peribahasa ini merupakan perlambangan bagi manusia dan hutan pula merujuk tempat asal manusia tersebut. Ayam beroga dan hutan dikolokasikan kerana sememangnya habitat ayam beroga adalah di hutan. Selain itu, perlambangan ayam beroga dalam peribahasa ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dahulu mengenali pelbagai spesies ayam yang wujud di persekitaran mereka.

Berdasarkan pemerhatian, ayam beroga bersifat pemakan segala dan hidup dengan meliar di tempat tertutup dan memilih pepohon untuk tempat berteduh. Oleh itu, habitat asal haiwan tersebut adalah hutan dan tetap akan kembali ke habitatnya walaupun dijaga dengan rapi oleh tuannya. Keadaan ini sesuai dengan maksud peribahasa ini iaitu seseorang yang telah jauh merantau pasti akan kembali ke kampung halamannya juga. Penghasilan peribahasa ini menunjukkan kuasa pengamatan masyarakat terdahulu terhadap alam sekitar adalah lebih teliti berbanding dengan masyarakat sekarang.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif



Rajah 1: Imej binaan frasa data 1

Sumber Imej: Google.com

Ayam beroga atau ayam liar adalah sejenis haiwan yang berasal daripada keluarga burung atau ayam yang tinggal di dalam hutan belukar. Ciri-ciri fizikal ayam beroga adalah dengan memiliki ekor jurai atau pipi empat urat. Ekor jurai atau pipi ini sukar untuk dilihat sekiranya ayam beroga dipegang namun ekor jurainya jelas kelihatan sewaktu ayam beroga sedang berjalan. Ayam beroga boleh dijumpai di pinggir hutan, kawasan lapang, kawasan hutan sekunder dan kawasan semak samun. Oleh itu, tidak mustahil sekiranya masyarakat Melayu dahulu mudah mendapatkan ayam beroga. Secara fizikalnya, ayam ini mempunyai warna yang sangat jelas terutama di bahagian tengkuknya yang panjang dan bulu berwarna merah kehitaman dan kuning keemasan. Bulu di bahagian sayap sedikit kehitaman serta sedikit hijau kebiruan. Bahagian ekor pula berwarna hitam dan kehijauan berkilat dan terjungkit sedikit ke atas. Dari segi saiz pula, panjang ayam beroga jantan adalah 65 sentimeter sehingga 78 sentimeter manakala ayam beroga betina 41 sentimeter dengan kemampuan untuk hidup sekitar 5 ke 10 tahun bergantung pada bakanya. Spesies ayam beroga mempunyai kelebihan untuk terbang dan kebiasaannya ayam beroga akan berjalan di celah pokok-pokok hutan untuk mencari makanan. Sekiranya ada gangguan daripada pemangsa, ayam beroga akan terbang untuk menyelamatkan diri dan tidur di atas pokok. Ayam beroga berkokok seperti ayam kampung biasa tetapi ayam beroga mempunyai nada yang lebih tinggi.

Keistimewaan ayam beroga adalah pembiakannya sepanjang tahun dan ayam beroga betina mampu menghasilkan sebanyak 4 hingga 9 biji telur bagi setiap eraman dan sarangnya dibina di atas tanah atau celahan akar pokok bagi memastikan keselamatan telur-telur tersebut. Namun, ada penternak yang menggunakan telur tiruan daripada plastik, batu mahupun bola golf untuk menggalakkan ayam bertelur di lokasi tertentu. Hal ini kerana ayam beroga jarang sekali untuk turun dari sarangnya kecuali untuk makan, minum atau bermandi debu. Jika diganggu atau diangkat, ayam beroga akan melawan dengan berkepak, mencakar atau mematuk. Seterusnya, menurut Minsah (2014), pinggan emas ditakrifkan sebagai perlambangan atau darjat kerana semenjak zaman dahulu, pinggan emas hanya mampu dimiliki oleh orang-orang kaya yang mampu membeli perhiasan mewah dan mempunyai cita rasa yang lebih tinggi. Kemudian, hutan pula adalah bahagian kawasan yang ditumbuhi pokok-pokok meliar dan ditanam dengan tumbuh-tumbuhan sama ada dari spesies tempatan dengan kaedah tanaman secara terbuka. Hutan yang digunakan dalam peribahasa ini adalah bersesuaian dengan habitat ayam beroga kerana ayam beroga umumnya tinggal di kawasan hutan.

Setiap peribahasa yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dahulu mempunyai justifikasinya yang tersendiri. Misalnya, bagi Data 1 peribahasa ini, sudah semestinya mereka mempunyai alasan apabila mencipta peribahasa menggunakan ayam beroga sebagai objek. Pada zaman dahulu masyarakat Melayu telah membina penempatan di kawasan hutan pemakanan utama masyarakat Melayu dahulu termasuklah ayam hutan, ayam kampung dan sebagainya. Tambahan lagi, ayam beroga juga boleh dimasak menjadi berbagai-bagai hidangan seperti ayam gepuk, ayam masak merah dan lain-lain. Ayam beroga menjadi sumber makanan utama masyarakat Melayu dahulu kerana ianya mudah diperolehi di kawasan perhutanan dan dibela atau ditenak sebagai sumber makanan utama untuk mendapatkan dagingnya atau telurnya. Habitat ayam beroga ini sangat mudah untuk dikenal pasti dan sangat kaya dengan sumber protein (Nolan Naim, 2013). Setelah diolah, didapati daging ayam beroga ini juga sangat enak dan rangup. Oleh kerana ayam ini mengandungi khasiat yang tinggi, jadi ianya sangat disarankan pengambilannya sebagai makanan rutin untuk pertumbuhan dan pembangunan organ-organ badan yang memberi tenaga mencukupi.

Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dahulu terbukti mempunyai nilai kepekaan yang tinggi sehingga dapat mencipta peribahasa dengan menggunakan haiwan di sekitar sebagai perlambangan untuk menggambarkan perbuatan manusia. Ayam beroga secara lahiriahnya tinggal di hutan terutamanya di kawasan semak belukar atau pergunungan dataran tinggi. Oleh itu, habitat asal haiwan tersebut sememangnya di hutan. Melihat pula perkaitan pinggan emas yang diberi kepada ayam beroga, peribahasa ini dapat dikaitkan dengan akal budi Melayu kerana ayam beroga adalah haiwan yang mudah diperoleh di kawasan sekitar dan hanya perlu dijerat dari hutan. Apabila berjaya ditangkap, ayam tersebut akan ditenak dan mendapat penjagaan baik supaya ayam tersebut tidak lari dari jagaan tuannya. Oleh itu, pinggan emas digunakan sebagai lambang untuk menunjukkan layanan istimewa yang diberikan oleh masyarakat Melayu kepada ayam beroga yang ditangkap. Walau bagaimanapun, sekiranya ayam tersebut terlepas daripada tangan tuannya, sudah pasti ayam tersebut akan kembali ke hutan, iaitu habitat asalnya.

Persoalan seterusnya adalah mengapa hutan dikolokasikan dengan ayam beroga? Hal ini disebabkan ayam beroga hanya boleh hidup di kawasan hutan tebal atau berhampiran habitat manusia. Sifat-sifat ayam beroga lazimnya sukar mempunyai jangka hayat yang panjang sekiranya dikurung terlalu lama. Apabila ayam beroga dikurung, ayam tersebut akan menjadi pasif dan meronta pada jaring sehingga bulu-bulunya tertanggal. Justeru, hutan adalah tempat yang paling sesuai bagi ayam beroga untuk hidup lama. Berdasarkan peribahasa ini, perlakuan ayam beroga sinonim dengan tingkah laku manusia yang suka merantau di tempat asing dan setelah sekian lama berdagang akan kembali semula ke tanah air. Justeru, domain kekeluargaan lebih sesuai digunakan untuk peribahasa ini kerana kepulangan pedagang ke kampung halaman atau tempat asal mereka pasti disebabkan oleh keluarga atau kesayangan mereka yang berada di kampung.

Setiap peribahasa pasti mempunyai makna tersirat yang dapat dihubungkan dengan akal budi dan falsafah Melayu. Akal budi dan falsafah Melayu pertama yang dapat dikaitkan dengan peribahasa '*ayam beroga itu jika diberi makan di pinggan emas sekalipun, ke hutan juga perginya*' ialah orang Melayu merupakan masyarakat yang tidak mudah lupa akan tanah air yang menjadi tanah asal mereka atau keturunan mereka. Akal budi ini dapat dibuktikan dengan kepulangan pedagang yang telah lama merantau di tempat asing dan akhirnya kembali ke kampung halaman juga. Kepulangan mereka ke kampung halaman didorong oleh perasaan rindu kepada orang tersayang seperti yang dinyatakan dalam petikan cerpen di atas. Dato' Azmi yang telah lama berada di Kuala Lumpur memendam perasaan rindu setelah sekian lama tidak pulang akhirnya mengambil keputusan untuk pulang ke kampung untuk berjumpa dengan ibu bapanya.

Kedua, kepulangan pedagang dapat dikaitkan dengan hubungan kekeluargaan. Walaupun jauh dari tanah asal, hubungan kekeluargaan antara pedagang dengan keluarga tidak mudah terputus begitu sahaja walaupun jarak memisahkan mereka. Perasaan seorang anak dagang yang berjauhan dengan ibu bapa mereka setelah lama tidak bersua amat jelas kelihatan melalui peribahasa tersebut. Disebabkan kerinduan yang terpendam lama, Dato' Azmi tidak dapat menolak permintaan Neng Siti yang menghubunginya dan mengingatkannya untuk pulang ke kampung halaman kerana terlalu lama tidak menjejakkan kaki ke sana malah rindu akan ibu bapanya yang telah lama tidak berjumpa.

Bahkan, Allah SWT turut mengingatkan umat Islam bahawa pentingnya memelihara hubungan kekeluargaan sesama manusia dan hubungan tersebut sangat dituntut dalam agama. Hal ini turut dijelaskan dalam firman:

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ
وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً
وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ
رَقِيبًا ﴿١﴾

“Wahai sekalian orang beriman, bertakwalah kepada Tuhan yang telah menciptakan kamu daripada bersifat tunggal, dan daripadanya Allah menciptakan isteri; dan daripada keduanya Allah membiakkan lelaki dan perempuan yang banyak. Maka bertakwalah kepada Allah yang dengan menggunakan nama-Nya kamu saling meminta antara sesama makhluk, serta jagalah hubungan yang terjalin di antara kalian. Bahawasanya Allah sentiasa melindungi dan memerhatikan kamu.” (Surah an-Nisa’ ayat 1).

Lanjutan daripada itu, falsafah yang dapat dirungkaikan berdasarkan peribahasa tersebut adalah masyarakat tidak melupakan asal usul dan keluarga walaupun berada jauh dari tempat asal mereka. Hal ini dapat menguatkan pegangan seseorang agar tidak mudah lupa daratan dan sentiasa mengingati asal usul. Bukan sahaja itu malah keluarga merupakan tunjang utama kebahagiaan dalam kehidupan setiap insan. Keluarga merupakan kunci kehidupan dan membawa kebahagiaan yang berkekalan hingga ke akhir hayat. Seseorang yang telah lama berdagang dan kemudian pulang ke kampung halaman sangat ditunggu-tunggu oleh setiap ahli keluarga yang menanti kepulangan mereka. Peribahasa yang digunakan oleh masyarakat Melayu dahulu sangat istimewa kerana peribahasa penuh dengan maksud tertentu dan bermakna yang perlu dicungkil sebaiknya.

Peribahasa Domain Rezeki

Tahap 2: Makna Peringkat Harfiah

Data 2:

Peribahasa	Maksud	Domain
Telur hari ini, lebih baik daripada anak ayam besok	Pendapatan hari ini lebih baik daripada pendapatan esok	Rezeki

- i. Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa akan datang sangat membimbangkan apabila kerajaan bertukar tangan jika dibandingkan dengan suasana ekonomi dunia pada hari ini yang mampu melepasi sasaran lima peratus untuk jangka masa yang panjang. Situasi seperti ini bagaikan **telur hari ini, lebih baik daripada anak ayam besok**, golongan berpendapatan rendah perlu bekerja keras setiap hari selagi mampu supaya tidak hilang punca pendapatan. Bagi golongan yang bekerja sendiri, keuntungan hari ini tidak pasti akan diperoleh seperti yang diharapkan untuk hari esok dan hari seterusnya. (Tamat Sarmidi. Isu ekonomi bukan sekadar kos sara hidup. Berita Harian, 2018)

- ii. Kes kematian semakin meningkat akibat wabak Covid-19. Isu ini sedang hangat diperkatakan terutama di televisyen dan media sosial. Encik Nasir bersyukur kerana telur hari ini, lebih baik daripada anak ayam besok. Beliau masih mempunyai simpanan tetap hasil jualannya sehingga ke hari ini untuk berbelanja. Namun, beliau tidak pasti sama ada simpanannya mencukupi ataupun tidak sehingga wabak Covid 19 ini berakhir. Isteri Encik Nasir faham akan situasi yang sedang melanda dan berusaha untuk meringankan beban suaminya itu.

(Bernama. Covid-19: Tiba masa rakyat patuhi Perintah Kawalan Pergerakan Sosial. Selangor Kini, 2020)

- iii. Menjelang musim perayaan, setiap peniaga mengambil risiko untuk mencari wang saku lebih dengan menjual mercun walaupun dilarang. Peniaga-peniaga tersebut dapat menjana keuntungan yang lumayan sekali umpama telur hari ini, lebih baik daripada anak ayam besok apabila musim perayaan sudah habis. Hal ini kerana tidak ada lagi yang akan membeli mercun apabila perayaan sudah habis dan ia akan menjejaskan pendapatan seharian peniaga-peniaga tersebut. (Farouq Johari. Pulangan Lumayan Hasil Jualan Mercun. Sinar Harian, 2014)


Data 2 (i) menunjukkan Rangka Rujuk Silang bagi peribahasa data 2, iaitu '*telur hari ini, lebih baik daripada anak ayam besok*' yang bermaksud pendapatan hari ini lebih baik daripada pendapatan esok. Berdasarkan petikan di atas, terdapat premis tambahan pada ayat terakhir yang membantu pembaca faham akan maksud peribahasa yang digunakan dalam petikan. Kemudian, pembaca juga dibekalkan maklumat tambahan dalam ayat satu yang menyatakan bahawa perbuatan yang dinyatakan dengan peribahasa tersebut merupakan perbuatan manusia yang peroleh rezeki untuk simpanan dan berbelanja, namun esok atau lusa tidak pasti lagi keuntungannya seperti yang diperoleh pada hari ini.

Seterusnya, bagi data korpus (ii) pula, tidak banyak proses yang diperlukan untuk memahami maksud peribahasa yang digunakan. Hal ini kerana, premis dalam data korpus itu jelas menyatakan berkenaan situasi yang menimpa Encik Nasir amat difahami oleh isterinya dan dia berusaha untuk membantu meringankan beban yang ditanggung suaminya. Kemudian, data korpus (iii) pula peribahasa '*telur hari ini, lebih baik daripada anak ayam besok*' merujuk kehidupan peniaga yang dapat mengaut keuntungan hanya ketika musim perayaan.

Oleh yang demikian, peribahasa '*telur hari ini, lebih baik daripada anak ayam besok*' yang membawa maksud rezeki seseorang pada hari ini lebih baik daripada hari esok. Rezeki di sini boleh dijelaskan sebagai pendapatan yang diperoleh seseorang dalam melakukan sebarang pekerjaan yang menguntungkan. *Telur hari ini lebih baik* dalam peribahasa merujuk rezeki yang mendatangkan keuntungan besar kepada penerima pada hari ini. *Anak ayam besok* pula merujuk rezeki manusia pada masa akan datang yang tidak diketahui sama ada membawa keuntungan atau membawa kerugian kepada mereka.

Setiap manusia akan menerima rezeki yang berbeza tanpa pengetahuan manusia itu sendiri. Oleh itu, setiap individu harus berusaha setiap hari mencari rezeki kerana setiap rezeki yang diperoleh kadang-kadang tidak sama dan boleh membawa kerugian atau keuntungan. Hal ini bergantung pada nasib seseorang atau individu itu sendiri. Oleh itu, menjadi tanggungjawab manusia bersyukur dengan apa yang mereka ada kerana peluang hanya datang sekali seperti pendapatan yang lumayan.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif



Rajah 2: Imej binaan frasa data 2

Sumber Imej: Google.com

Peribahasa yang berdomainkan rezeki ini menggunakan telur ayam sebagai perlambangan yang merujuk pendapatan yang diperoleh individu hasil daripada titik peluh individu itu sendiri untuk meraih keuntungan. Telur ayam atau nama saintifiknya *Bovan Goldline Egg* merupakan ovum yang dihasilkan oleh ayam betina untuk tujuan pembiakan atau sumber makanan kepada manusia. Biasanya telur ayam dikumpulkan oleh penternak ayam untuk dijual bagi menampung kehidupan. Secara umumnya, telur ayam merupakan telur yang sentiasa dikomersialkan kerana mengandungi nutrien dan bagus untuk pertumbuhan (Sudaryani, 2003).

Telur ayam, terutamanya ayam kampung dan ayam hutan, telah dikenal pasti sejak dahulu lagi dan mempunyai khasiatnya tersendiri. Pada zaman dahulu, telur ayam sangat diktiraf kerana manfaatnya terutama telur ayam yang masih mentah. Dalam tradisi Rusia purba, telur ayam menjadi ubat yang memberikan kekuatan untuk lelaki (Figoni, 2008). Seterusnya, dengan perkembangan ilmu sains masa kini, khasiat yang terdapat pada telur ayam berjaya ditemukan. Sehubungan dengan itu, seorang ahli teknologi makanan, Seuss-Beum (2005) dari Universiti Sains Gunaan Fulda di Jerman menyatakan bahawa jumlah kalori pada sebiji telur ayam seberat 53 gram adalah sebanyak 82 kalori. Bagi individu yang sedang mengamalkan diet sihat, telur ayam memainkan peranan yang penting kerana berkalori rendah. Selain daripada kalori yang rendah, telur ayam juga mengandungi enam gram protein dan sejumlah besar vitamin D ada pada bahagian kuning telur.

Peribahasa '*telur hari ini, lebih baik daripada anak ayam besok*' ini wujud kerana hasil pemerhatian masyarakat Melayu dahulu terhadap telur ayam ini. Jika kita melihat dan berfikir dengan teliti, ayam ditenak untuk mendapatkan telurnya, dan seterusnya telur ayam itu akan diperam supaya dapat menghasilkan anak ayam. Kemudian, anak ayam tersebut akan dijaga sehingga matang dan dapat menjadi ayam daging untuk dijadikan sumber makanan kepada manusia. Dengan kata lain, telur ayam jika tidak diperam juga dapat memberikan sumber makanan yang berkhasiat kepada tuannya. Walau bagaimanapun, antara telur ayam dan anak ayam, telur ayam lebih mendatangkan manfaat dan faedah kepada manusia. Terdapat dua faedah yang dapat dikenal pasti iaitu telur ayam yang menetas dapat menghasilkan anak ayam dan kemudian anak ayam tersebut membesar dan diambil dagingnya manakala manfaat yang kedua adalah telur yang tidak menetas akan dikumpulkan oleh penternak dan dijual kepada pembeli atau dimasak untuk dijadikan sumber makanan. Anak ayam yang belum matang sepenuhnya tidak mempunyai isi daging yang banyak, demikian tidak mendatangkan manfaat kepada pembeli. Apabila

dibandingkan antara telur ayam dan anak ayam, telur ayam lebih mendatangkan keuntungan berbanding dengan anak ayam.

Berdasarkan peribahasa yang telah dipilih, akal budi Melayu yang dapat ditemui adalah ketajaman pemikiran dalam masyarakat Melayu zaman dahulu. Ketajaman pemikiran membuatkan masyarakat dahulu mencipta peribahasa dengan menggunakan pemerhatian mereka terhadap alam sekitar dan dipadankan dengan situasi yang berlaku pada ketika itu. Keluasan pengalaman mereka dalam pelbagai bidang terutamanya bidang menangkap ayam dan menternak membuatkan mereka sangat terbuka kepada alam sekitar. Oleh sebab itu, setiap perkara yang dilihat semasa menjalani kehidupan seharian dikaitkan dengan telur pada hari ini adalah lebih baik daripada anak ayam besok yang sering berlaku disepadankan dengan pendapatan yang diperoleh manusia pada hari ini lebih menguntungkan berbanding pendapatan hari esok dan seterusnya yang memang sentiasa menjadi kebiasaan dalam punca rezeki masing-masing.

Selain itu, akal budi seterusnya adalah supaya sentiasa bersyukur dengan nikmat dan rezeki yang dilimpahkan dalam kehidupan. Setiap individu yang hidup di muka bumi ini seharusnya bersyukur dengan kurniaan yang diberikan oleh Allah SWT kerana tidak semua orang mendapat rezeki yang berlipat ganda setiap hari. Hal ini bermakna, seseorang itu juga perlulah berusaha dan bekerja untuk mendapatkan rezeki yang lebih, bukan hanya duduk bersahaja dan menunggu serta tidak berusaha. Rezeki yang menguntungkan perlu diusahakan kerana ianya tidak datang sendiri melainkan dengan usaha dan kerajinan.

Peribahasa Domain Kelicikan

Data 3:

Peribahasa	Maksud	Domain
Ayam hitam terbang malam bertali ijuk, bertambang tanduk, hinggap di kebun rimbun	Kejahatan yang dilakukan di dalam sulit, sukar diketahui	Kelicikan

Tahap 1 : Makna harfiah

Pendekatan semantik skrip ini hanya menjelaskan maksud peribahasa pada peringkat luaran sahaja tanpa dicungkil apa yang tersirat yang terdapat dalam peribahasa. Contohnya, peribahasa '*ayam hitam terbang malam bertali ijuk, bertambang tanduk, hinggap di kebun rimbun*' memberikan maksud luarannya, iaitu kejahatan seseorang yang dilakukan dalam diam dan tidak diketahui oleh orang lain.

Tahap 2 : Makna peringkat kognitif


- i. Dia seorang datuk besar yang dilihat sebagai ayam hitam terbang malam bertali ijuk, bertambang tanduk, hinggap di kebun rimbun yang licik dan tidak pantang melakukan kejahatan dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa pengetahuan sesiapa. Sin Wan khuatir sekiranya datuk besar itu mengganggu anak dara di kampung dan mengancam nyawa penduduk yang tidak bersalah dengan kuasa yang dia ada. Tidak ada sesiapa yang mengetahui perkara terkutuk yang dilakukan oleh datuk besar kerana perwatakannya yang kelihatan warak.

(Kho Ping Hoo. Kisah si pedang tumpul, 2008)

Data 3 (i) menunjukkan Rangka Rujuk Silang bagi peribahasa yang berdomainkan kelicikan. Berdasarkan petikan data yang dikemukakan, peribahasa '*ayam hitam terbang malam bertali ijuk, bertambang tanduk, hinggap di kebun rimbun*' merujuk perlakuan datuk besar yang licik dan sentiasa melakukan kejahatan tanpa diketahui oleh orang lain. Premis tambahan pada ayat yang sama memperkuat perumpamaan yang diberikan terhadap datuk besar. Perlakuan datuk besar yang berperwatakan warak membuatkan orang ramai tidak menyedari akan perkara terkutuk yang dilakukannya. Kelicikannya yang berpura-pura baik di hadapan orang ramai telah berjaya menutup kejahatan yang dibuat.

Berdasarkan peribahasa yang telah dipilih, data yang berdomainkan kelicikan ini menggunakan ayam hitam sebagai objek peribahasa. Ayam hitam dalam peribahasa ini dikolokasikan dengan sifat fizikalnya, iaitu gelap dan tidak kelihatan pada waktu malam telah melengkapkan satu peribahasa yang mempunyai maksud. Sifat fizikal ayam hitam itu sebenarnya merujuk sikap manusia yang licik. Umumnya, bulu ayam yang berwarna hitam menimbulkan kesukaran bagi kita untuk melihatnya pada waktu malam kerana bukan sahaja bulu ayam tersebut berwarna hitam malah kulit, paruh, mata dan kakinya juga berwarna hitam. Justeru itu, sifat ayam hitam itu telah disinonimkan dengan manusia yang licik dan sukar dilihat. Kelicikan seseorang itu menyebabkan kita tidak boleh melihat apa-apa yang dilakukannya. Hal ini kerana seseorang yang licik mempunyai berbagai-bagai cara untuk melaksanakan tugasnya yang kebiasaannya berjaya apabila diaplikasikan.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif



Rajah 3: Imej binaan frasa data 3
Sumber Imej: Google.com

Peribahasa yang berdomainkan kelicikan ini menggunakan ayam hitam sebagai objek. Buku Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai menyatakan ayam atau nama saintifiknya *Hayam Hideung* merupakan seekor ayam yang mempunyai bulu pelepah berwarna hitam dan bentuk fizikalnya adalah berbentuk balung. Habitat umum bagi ayam hitam adalah di kawasan hutan atau semak. Ayam hitam juga seperti ayam-ayam lain, ayam hitam berat dan berotot tetapi keseluruhan badannya dibaluti warna hitam. Saiz bagi ayam hitam adalah sama jika dibandingkan dengan ayam kampung kecuali warnanya sahaja berbeza. Hal ini kerana ayam hitam adalah sejenis ayam asli yang berasal dari Indonesia, iaitu Sumatera. Ayam hitam sukar untuk dibiakkan seperti baka ayam-ayam lain namun masih tergolong dalam jenis haiwan omnivor.

Ayam hitam merupakan salah satu haiwan yang kurang menonjol kerana warnanya yang hitam legam dan jarang digunakan untuk sumber makanan. Walaupun demikian, ayam hitam merupakan salah satu haiwan yang sangat tinggi harganya untuk dijual. Seekor ayam hitam ini dijual pada harga sekitar RM7,200 kerana bakanya yang sangat unik dan bukan sahaja bulu pelepahnya berwarna hitam malah paruh, daging, ekor dan organ dalamannya juga keseluruhan berwarna hitam. Jika dilihat pada kepercayaan karut pada zaman dahulu, ayam hitam ini juga dipercayai akan dibeli untuk tujuan keagamaan dan benda mistik. Disebabkan hal itu, ayam hitam jarang digunakan untuk dimakan selain daripada harganya yang mahal dan tidak mudah untuk dijumpai.

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) perkataan hitam merujuk warna seperti arang, legam, berlawanan dengan putih dan dianggap tidak selamat. Hitam merupakan sifat fizikal ayam yang kurang menonjol berbanding dengan sifat-sifat lain. Seperti yang telah kita ketahui, ayam merupakan salah satu sumber protein utama bagi masyarakat Melayu. Namun, ayam hitam merupakan sumber utama yang digunakan oleh masyarakat dahulu untuk tujuan perubatan terutama bagi wanita yang mengalami masalah kitaran haid tidak teratur dan senggugut.

Walau bagaimanapun, dengan kulit luarannya yang hitam telah menimbulkan kesukaran untuk melihatnya terutama pada waktu gelap. Dengan pengalaman masyarakat Melayu berkaitan dengan kehidupan, mereka telah menyesuaikan sifat luaran ayam hitam yang gelap itu dengan kelicikan manusia yang sering kali terlepas daripada perlakuan jahat yang dilakukan. Tambahan lagi, tidak semua manusia mempunyai kelicikan dengan kepelbagaian akal untuk menyelamatkan diri. Hal ini boleh disinonimkan dengan ayam yang menyembunyikan diri dan berbantukan warna badannya yang hitam dan tidak mudah dilihat serta boleh melepaskan diri. Tidak semua ayam mempunyai kelebihan seperti ayam hitam dan kelebihan pada ayam hitam itu digunakan untuk menghasilkan peribahasa yang berdomainkan kelicikan ini.

Seterusnya, pengkaji mendapati bahawa peribahasa *ayam hitam terbang malam bertali ijuk, bertambang tanduk, hinggap di kebun rimbun* mempunyai akal budi yang perlu dicungkil. Akal budi Melayu yang pertama ialah tidak mengambil mudah akan kelebihan seseorang. Masyarakat Melayu dahulu mempunyai banyak pengalaman dalam menghadapi sifat manusia yang pelbagai. Jadi, mereka akan lebih berhati-hati sekiranya menghadapi seseorang yang licik dalam melakukan sesuatu perkara agar mereka tidak terpedaya dengan kelicikannya. Perwatakan warak datuk besar yang mengelirukan adalah kelicikannya dalam menutup kejahatan yang dilakukan kepada orang kampung menyebabkan orang lain tidak boleh mentafsir perangai sebenar datuk besar. Ciri-ciri yang terdapat pada ayam hitam boleh dianggap sebagai satu kelebihan kerana dengan kelebihan itu ayam hitam boleh menyelamatkan diri daripada mudah ditangkap.

Akal budi kedua yang boleh dicungkil adalah membuat persediaan yang rapi untuk menghadapi seseorang yang licik sifatnya. Hal ini adalah kerana, kelicikan seseorang boleh membawa malapetaka dan kecelakaan kepada kita. Kita sebagai masyarakat yang bijak harus membuat persediaan terlebih dahulu supaya kita bersedia menghadapi kecelakaan yang timbul akibat daripada kelicikan manusia seperti datuk besar. Jika kita bijak menghadapi mereka yang licik ini, kita boleh mendapat pelbagai manfaat dan faedah yang berguna daripada mereka. Oleh yang demikian, hindarilah diri kita daripada menjadi seperti ayam hitam kerana walau selicik mana sekalipun kita menyembunyikan kejahatan, orang lain pasti akan mengetahui juga kejahatan yang kita lakukan.

KESIMPULAN

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, dapat merumuskan bahawa masyarakat Melayu dahulu sangat peka dan arif terhadap alam sekeliling seperti ayam sebagai rujukan kelakuan manusia dalam menciptakan peribahasa. Setiap peribahasa Melayu yang dicipta mempunyai dua lapisan makna, iaitu lapisan makna secara harfiah dan lapisan makna secara kompleks yang dicungkil sehingga menemukan akal budi dan falsafah Melayu di sebaliknya. Peribahasa Melayu sangat unik apabila dikaji kerana dapat menerokai akal budi orang Melayu pada zaman dahulu yang penuh dengan adab dan kesantunan semasa berkomunikasi dengan orang lain. Melalui peribahasa, dapat dilihat cara orang dahulu berfikir dengan menggunakan ayam sebagai lambang untuk menyatakan sesuatu maksud. Terdapat banyak peribahasa berobjekkan haiwan lain selain daripada ayam sekiranya dikaji dengan lebih meluas dan terperinci.

Cara orang Melayu pada waktu dahulu berbahasa sangat berbeza dengan cara orang Melayu pada waktu kini berbahasa kerana pengaruh daripada budaya luar dan kurang memartabatkan bahasa nenek moyang kita waktu dulu. Sekiranya peribahasa tidak dijaga dan dipelihara dengan baik, berkemungkinan peribahasa indah yang diciptakan ini akan pupus ditelan zaman dan semakin dilupakan pada masa akan datang. Oleh itu, sebagai masyarakat Melayu yang bertanggungjawab, kita perlu memelihara peribahasa yang telah menjadi kelangsungan warisan negara sejak turun-temurun supaya tidak pupus dan kekal selamanya. Usaha ini perlu dilakukan dengan berterusan agar generasi kemudian hari akan dapat terus menerokai dan mendalami peribahasa sebagai pengajaran dan mengambil teladan.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain. (2016). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu (Edisi Kedua.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahmood Musanif, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Nor Azuan Yaakob & N.Su (2011). Pengetahuan Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Linguistik*, 13(1), 1-16.
- Asad Mohamed & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Abstrak Objek Konkrit dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 18(2), 197-218.
- Awang Asbol. (2015). Imej Telur dan Ayam dalam Masyarakat Melayu Brunei: Hubungannya dengan Sejarah. *Jurnal Kajian Sejarah Dan Pendidikan Sejarah*, 3(1), 19-30.
- Jamilah Ismail. (2015). *Kandungan Nutrien, Asid Lemak dan Kualiti Pemakanan Ayam Pedaging, Ayam Kampung, Ayam Organik dan Ayam*. Kuala Lumpur: Universiti Sains Malaysia.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2017). Refleksi Dualisme Durian Timun dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 21(2), 001-014.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2017). Elemen Dualisme dalam Peribahasa: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66-88.
- Julaina Nopiah Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2018). Refleksi Gastronomi dalam Komunikasi: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Komunikasi Malaysian*, 34(1), 185-201.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2018). *Analisis Semantik Inkuisitif dalam Kiasan, Kognitif dan Akal Budi Melayu*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2018). Makanan "Berangin" dan "Berbisa" dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia dan Tamadun Melayu*, 6(1), 27-40.
- Junaini Kasdan (2016). Ikan dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Dan Tamadun Melayu*. 4(2), 31- 42.

- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lodge, F. (2018). *Asal Usul Ayam Hutan*. Diakses Februari 11, 2020, daripada <https://www.researchgate.net/publication/325160502>.
- Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet. (2019). Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Domain Rezeki dalam Peribahasa Melayu Berorientasikan Aves Melalui Perspektif Semantik Inkuisitif. *Jurnal Penyelidikan Multidisiplin MALTESAS* 3(1), 19-28.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 10 (Edisi Khas), 158-172.
- Nur Afiqah Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi Dan Semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 189-206.
- Ragini Ragavan & Che Ibrahim Salleh. (2015). Peribahasa Melayu dan Peribahasa Tamil dari Aspek Sosial. *Jurnal Pembangunan Perniagaan dan Sosial*, 3(1), 66-75.
- Mohd. Tajuddin Abd Rahman. (2017). *Kamus Peribahasa Melayu (Edisi Kelima)*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Saidatul Nornis Mahali & Mohd Rasdi Saamah (2013). Haiwan Sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 83-98.
- Suriati Zakaria & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Konsep Ruang dalam Cik Tunggal: Analisis Semantik Inkuisitif. *Gema: Online Journal of Language Studies*, 6(3), 187-204.
- Tangaprabu Murthy & Mary Fatimah Subet. (2018). Imej Rumput dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif. *Jurnal Pengajian Bahasa*, 7(1), 37-58.
- Tangaprabu Murthy & Mary Fatimah Subet. (2018). Imej Tebu dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif. *Trend Penyelidikan Prasiswazah*, 1(1), 24-29.

Lampiran

